

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI**  
                  : **[ HULU SELANGOR ]**  
**TARIKH** : **2 APRIL 2019 [ SELASA ]**

**SOALAN NO. 27**

**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian akan menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak dan warga emas berasaskan komuniti di kawasan perumahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa menggalakkan penubuhan TASKA berasaskan komuniti bagi membantu golongan berpendapatan rendah. Sebanyak **44** buah TASKA Komuniti telah ditubuhkan di seluruh Malaysia sehingga kini. Geran Operasi sebanyak **RM64,000.00** setahun diperuntukkan kepada sebuah TASKA Komuniti. Buat masa ini kerajaan tidak merancang untuk menambah bilangan TASKA Komuniti. Walau bagaimanapun, Kementerian mengalu-alukan masyarakat untuk mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak yang berasaskan komuniti di kawasan perumahan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan cadangan Kementerian bagi mewujudkan 1 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bagi setiap kawasan Parlimen iaitu 222 buah PAWE keseluruhannya, Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) di bawah Strategi B5: Menambah baik Persekitaran Warga Emas di mana usaha bersepadu diambil untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas dengan menyediakan infrastruktur mesra warga emas dan menambah baik khidmat penjagaan. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM17 juta bagi penambahan 170 buah PAWE baharu sehingga tahun 2023. Penambahan bilangan PAWE di semua kawasan Parlimen merupakan satu usaha Kerajaan bagi menangani isu penuaan di mana Malaysia dijangka menjadi Negara tua pada tahun 2030 dan sehingga kini sebanyak **88** buah PAWE telah diwujudkan.

Pelan transformasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang mengambil pendekatan berasaskan kepada komuniti (*community base*) dan antara kriteria yang dititikberatkan dalam penubuhan sesebuah PAWE adalah keperluan PAWE diwujudkan berdasarkan bilangan populasi warga emas di komuniti di samping lokasi premis yang dicadangkan perlu mesra warga emas serta mudah diakses dan pada tahun 2019, sebanyak RM5 juta diperuntukkan bagi penubuhan PAWE baharu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA**  
**[ SUNGAI BESAR ]**  
**TARIKH** : **2 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 43**

**Tuan Muslimin Bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan KPWKM melalui JKM memastikan pusat jagaan warga emas mendapat menarik perhatian orang awam dan warga emas itu sendiri untuk menjadikan pusat jagaan itu sebagai pusat sehenti harian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11); Strategi B5: Menambah baik Persekitaran Warga Emas, akan meneruskan usaha bagi menambah bilangan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dengan sasaran menubuhkan satu PAWE di setiap kawasan Parlimen (222 Parlimen).

Sehingga Februari 2019, 88 buah PAWE telah ditubuhkan dengan 38,627 warga emas sedang mendapat manfaat dari program berkenaan. Bagi tahun 2019, Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk menubuhkan sekurang-kurangnya 45 buah PAWE dan menjadikan bilangan di akhir tahun 2019 dijangka berjumlah 133 PAWE. Sehubungan itu, bagi memastikan PAWE kekal relevan menjadi pusat sehenti yang aktif, menarik minat dan penglibatan warga emas, Kementerian telah merangka pelbagai program bagi tahun 2019 seperti berikut:

- i. Melaksanakan projek rintis bagi penubuhan PAWE baharu dan kerjasama program dengan Institut Pengajian Tempatan seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Multimedia Malaysia (MMU) dan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi menarik minat golongan warga emas profesional untuk terlibat dalam aktiviti PAWE;
- ii. Melaksanakan program pemerksaan ekonomi (EEP) melalui projek 1 PAWE 1 Produk bagi memastikan warga emas di PAWE sentiasa aktif dan produktif;
- iii. Meluaskan program PAWE kepada warga emas dalam kalangan Orang Asli melalui kerjasama strategik bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA);

## SOALAN NO. 43

- iv. Melaksanakan projek rintis PAWE sebagai *One Stop Centre* bagi pepadanan pekerjaan dan pemerksaan ekonomi warga emas;
- v. Memperkasakan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) PAWE untuk mengadakan pelbagai program / seminar / forum bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kemahiran berkaitan warga emas kepada komuniti;
- vi. Mengembangkan lagi program Pembelajaran Sepanjang Hayat yang meliputi aspek kerohanian, kesihatan dan ekonomi;
- vii. Mewujudkan Para Kaunselor dalam kalangan ahli PAWE;
- viii. *Golden Mind Program* yang menyediakan platform perkongsian idea, kepakaran dan pengalaman warga emas ke arah pembangunan warga emas;
- ix. Program *Training of the Trainers* untuk WESIHAT kerjasama bersama UKM iaitu ahli PAWE sebagai *trainer* bagi menyampaikan maklumat tentang kesihatan yang menjurus untuk mengelakkan masalah kognitif (dementia) serta dapat mengesan masalah kognitif yang ringan; dan
- x. Program integenerasi yang bertujuan mengoptimumkan pengetahuan dan kemahiran warga emas untuk pembangunan komuniti serta merapatkan jurang antara warga emas dan golongan muda.

Adalah diharapkan melalui program-program ini dapat menarik pertambahan bilangan warga emas dan menjadikan PAWE sebagai pusat sehati yang memberi manfaat kepada warga emas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH**  
**[ PAYA BESAR ]**  
**TARIKH** : **2 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 54**

**Tuan Mohd Shahar Bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kementerian mewajibkan semua premis institusi awam dan pusat beli belah untuk menyediakan "nursing room" untuk memudahkan urusan ibu-ibu yang mempunyai anak kecil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengakui menghadapi cabaran besar untuk memastikan wanita terus kekal dalam pekerjaan dan dalam masa yang sama, Kerajaan turut inginkan ibu-ibu yang bekerja untuk menyusui anak dengan susu ibu secara eksklusif dari lahir hingga berusia enam (6) bulan serta meneruskannya hingga mencapai umur dua tahun. Bagi ibu yang bekerja, cabaran adalah sangat besar untuk kekal bekerja dan memastikan anak dapat menyusu dengan susu ibu secara eksklusif. Justeru, Kementerian menggesa agar pemilik institusi awam, pusat beli-belah serta majikan untuk menyediakan bilik penyusuan, mewujudkan peraturan yang mengupayakan dan memberi fleksibiliti kepada penyusuan susu ibu.

Kementerian juga sentiasa mengalakkan penyertaan NGO untuk memberi kesedaran dan bantuan kepada ibu-ibu terutamanya ibu muda dalam meneruskan penyusuan susu ibu kepada anak-anak.